

31/08/1999

Putrajaya lambang kecemerlangan negara

Nik Yahya Ab Rahman

KEPUTUSAN kerajaan pada 3 Jun 1993, memilih Perang Besar, Sepang, Selangor sebagai pusat pentadbiran dan pembangunan multimedia, telekomunikasi dan teknologi maklumat adalah satu keputusan yang berpandangan jauh. Kawasan berkenaan berada di kawasan yang strategik iaitu 25 km dari Pusat Bandar Kuala Lumpur, 20 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan di tengah kawasan pertumbuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Putrajaya yang mempunyai kawasan seluas 14,780 hektar yang diperuntukkan oleh kerajaan sebagai bandar raya taman dijangka boleh menampung 570,000 penduduk. Kira-kira 250,000 penduduk akan menghuni 67,000 unit rumah, daripadanya 36,000 unit (52 peratus) perumahan kerajaan dan 32,000 unit (48 peratus) perumahan awam.

Pembangunan bandar bestari itu adalah satu terjemahan ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mementingkan tiga ciri utama termasuk pengekalan kehijauan alam semulajadi, keharmonian antara kaum dalam satu kelompok masyarakat majmuk dan keseimbangan penduduknya daripada pelbagai peringkat pendapatan.

Justeru, sebagai rakyat yang cintakan negara, kita seharusnya menyambut baik perkembangan berkenaan. Apa lagi, pembinaan bandar pintar itu dalam keadaan kita sedang bersiap untuk menghadapi alaf baru yang lebih mencabar. Jika kita meninjau perancangan dan perkembangan Putrajaya, kita berasa tenang betapa perihatin kerajaan kepada kedudukan masa hadapan negara ini.

Putrajaya menggarap perkembangan pembangunan teknologi maklumat yang kini merentasi dunia tanpa sempadan. Pembinaan infrastruktur dan bangunan seperti KLIA, Menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar KLCC; Muzium Seni Islam; Sistem Aliran Transit Ringan (LRT), Kompleks Sukan Bukit Jalil dan rangkaian lebuh raya di seluruh negara bukan untuk menunjuk-nunjuk kepada dunia, tetapi semata-mata untuk menerjah Malaysia ke mercu kejayaan dalam pelbagai bidang di persada dunia.

Pusat pentadbiran negara dipindahkan daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya, manakala ibu kota akan menjadi pusat komersil. Keseimbangan kedua-dua bandar raya berkenaan adalah tepat kerana Kuala Lumpur kini telah mengalami kesesakan yang ketara.

Selama ini, banyak pihak menyalahkan kerajaan kerana tidak dapat mencari langkah terbaik untuk menangani kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Langkah menggalakkan warga kota menggunakan pengangkutan awam dan berkongsi kereta tidak begitu menarik minat pemilik kereta.

Kemunculan Putrajaya yang mengambil sempena nama Almarhum Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra adalah langkah terbaik diambil kerajaan bagi memperluaskan skop pembangunan negara dengan memperseimbangkan di antara pembangunan pentadbiran, telekomunikasi dan perdagangan selain mengatasi kesesakan lalu lintas di ibu kota.

Pembangunan Putrajaya kena pada masanya ketiba kita mengorak langkah ke alaf baru. Walaupun masih dalam fasa pertama pembinaannya, Putrajaya hari ini tersergam indah. Ramai penduduk dari seluruh pelusuk negara mengunjunginya. Mereka datang berketa atau dengan menganjurkan rombongan. Deretan bas memuntahkan pengunjung dari seluruh negara terutama pada hujung minggu untuk berkongsi pengalaman baru meninjau mercu tanda negara yang menjadi kemegahan mereka.

Putrajaya akan dilengkapi lima terminal pengangkutan awam, dihubungi oleh perkhidmatan LRT, perkhidmatan bas sokongan dalam dan antara bandar,

dan perkhidmatan pengangkutan air. Pelbagai kemudahan telekomunikasi yang akan tercerna termasuk persidangan video, tele-perubatan, kemudahan internet dan intranet (dunia di hujung jari anda) dan Pusat Kawalan Bandar (CCC).

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya memenuhi ciri-ciri pentadbiran yang mengurangkan kerenah birokrasi dengan pengenalan konsep teknologi maklumat (TM) dan birokrasi tanpa kertas dengan tenaga kerja yang mahir dengan komputer. Putrajaya dengan bandar berkembar Cyberjaya menjadi pemangkin e-dagang dan e-pendidikan.

Putrajaya yang dibangunkan oleh Putrajaya Holdings bersama-sama SP Setia Berhad, Hong Leong Properties Berhad, Malaysian Plantations Berhad, Peremba Sdn Bhd dan Precinct 10 Sdn Bhd mementingkan landskap yang indah dengan kawasan kediaman yang unggul dan segar dengan mengambil kira ekosistem yang mapan serta sokongan penggunaan sistem saluran digital yang canggih - bagi keterampilan negara pada alaf baru.

(END)